



قَابِتْ كَوَا حَاكِمِ شَرِيحِي بَكَرِي قَوَا وَقِينَعِي

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG
No. 3 Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel.: 04-830 7726 Faks: 04-830 7880
<http://www.jksnpp.gov.my>



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (44)

Tarikh : 31 Januari 2019

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2019
PENYERAGAMAN FORMAT PERINTAH MAHKAMAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Muzakarah Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2019 pada 11 Januari 2019 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai format perintah seperti di **Lampiran** bagi menyeragamkan semua perintah mahkamah di Negeri Pulau Pinang.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 9 Tahun 2016: Penyeragaman Format Perintah, Alasan Penghakiman Ringkas dan Surat Makluman Dalam Sistem e-Faraid.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2019.

Sekian

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang merajaiankan amanah,

(DATO' MOHAMAD SHAKIR BIN ABDUL HAMID)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2019
PENYERAGAMAN FORMAT PERINTAH MAHKAMAH**

DICADANGKAN PERINTAH YANG DIKELUARKAN OLEH MAHKAMAH HENDAKLAH BERDASARKAN KETETAPAN BERIKUT:

- 1) MENGGUNAKAN FONT ARIAL / 11; DAN
- 2) JUSTIFIED

HEADING & FOOTER PERINTAH KES MAL

ENAKMEN TACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

[Subseksyen 135(3)]

} PENTING

PERINTAH/PENGHAKIMAN

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH DI DAERAH SEBERANG PERAI
UTARA/GEORGETOWN
DI NEGERI PULAU PINANG

SAMAN/PERMOHONAN NO: XXXXX-XXX-XXXX-XXXX

ANTARA

NAMA

(NO. K/P: XXXXXX-XX-XXXX)

PLAINTIF/PEMOHON

DENGAN

NAMA

(NO. K/P: XXXXXX-XX-XXXX)

DEFENDAN/RESPONDEN

DI HADAPAN

YANG ARIF/ TUAN XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

HAKIM MAHKAMAH TINGGI/RENDAH SYARIAH DI DAERAH XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX

NEGERI PULAU PINANG

PADA: XXHB. XXXXXXX XXXX

(cth: 15HB OKTOBER 2014)

DALAM MAHKAMAH TERBUKA/

DALAM KAMAR HAKIM

(pilih mana yang berkenaan)

Bertarikh pada haribulan 20

"METERAI"

.....
Hakim/Pendaftar

PENGENDORSAN

Ambil perhatian bahawa, jika anda abai mematuhi perintah (atau penghakiman ini, dalam masa yang dihadkan dalamnya, atau dalam masa empat hari selepas penyampaian perintah ini kepada anda, mengikut mana-mana yang terkemudian, maka anda melakukan suatu penghinaan Mahkamah dan dengan itu boleh dikomitkan ke penjara.

.....
Hakim/Pendaftar

KEHADIRAN PIHAK-PIHAK

a) Plaintiff & Defendan/ Pemohon & Responden Hadir/

KES ini telah diselesaikan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff/Pemohon dan Defendan/Responden secara bersendirian. **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan dan hujah kedua-dua pihak dan setelah berpuas hati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

b) Defendan/Responden Tidak Hadir (sepanjang bicara)

KES ini telah diselesaikan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff/Pemohon secara bersendirian dan tanpa kehadiran Defendan/Responden. **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan dan hujah pihak Plaintiff/Pemohon dan setelah berpuas hati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

c) Defendan/Responden Tidak Hadir (semasa hari keputusan dibacakan)

KES ini telah diselesaikan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff/Pemohon secara bersendirian dan tanpa kehadiran Defendan/Responden. **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan dan hujah kedua-dua pihak dan setelah berpuas hati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

D. Plaintiff/Pemohon & Defendan/Responden Diwakili Peguam Syarie

KES ini telah diselesaikan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff/Pemohon yang diwakili oleh XXXXXXXXXXXX dari Tetuan XXXXXXXXXXXX manakala Defendan/Responden yang diwakili oleh XXXXXXXXXXXX dari Tetuan XXXXXXXXXXXX. **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan dan hujah kedua-dua pihak dan setelah berpuas hati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

E. Salah satu pihak diwakili Peguam Syarie

KES ini telah diselesaikan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff/Pemohon yang diwakili oleh XXXXXXXXXXXX dari Tetuan XXXXXXXXXXXX dan Defendan/Responden yang hadir secara bersendirian. **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan dan hujah kedua-dua pihak dan setelah berpuas hati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

WORDING PERINTAH

KES-KES MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

1. PERINTAH PERCERAIAN:

PERINTAH PERCERAIAN

Bold & Bergaris

1. Talaq yang dilafazkan oleh Plaintiff/Defendan terhadap Defendan/Plaintif pada hari ini dengan kebenaran Mahkamah yang mulia ini adalah sah dan sabit mengikut hukum syarak dengan satu talaq kali pertama/kedua/ketiga berjumlah satu/dua/tiga talaq raj'i/ba-in sughra/ba-in kubra mulai XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh).
2. Plaintiff/Defendan dalam keadaan suci/tidak suci dan hamil/tidak hamil, hendaklah ber'iddah selama tiga kali suci/ tiga bulan qamariyyah/ sehingga melahirkan anak dalam kandungan mulai hari ini XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh).
3. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX.

2. PERINTAH PERSETUJUAN PERCERAIAN:

(jika ada persetujuan melibatkan muta'ah, nafkah 'iddah, nafkah anak dsb)

1. Talaq yang dilafazkan oleh Plaintiff/Defendan terhadap Defendan/Plaintif pada hari ini dengan kebenaran Mahkamah yang Mulia ini adalah sah dan sabit mengikut hukum syarak dengan satu talaq kali pertama/kedua/ketiga berjumlah satu/dua/tiga talaq raj'i/ba-in sughra/ba-in kubra mulai XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh).
2. Plaintiff/Defendan dalam keadaan suci/tidak suci dan hamil/tidak hamil, hendaklah ber'iddah selama tiga kali suci/ tiga bulan qamariyyah/ sehingga melahirkan anak dalam kandungan mulai hari ini XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh).
3. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX.
4. Plaintiff/Defendan diperintahkan membayar nafkah 'iddah kepada Defendan/Plaintif sebanyak RMXXXX.XX selama tempoh 'iddah.
5. Plaintiff/Defendan diperintahkan membayar muta'ah kepada Defendan/Plaintif sebanyak RMXXXX.XX.
6. Plaintiff/Defendan diperintahkan membayar nafkah (nyatakan bilangan anak) orang anak yang bernama XXXXXXXXXXXX (No. K/P/MyKid: XXXXXXXXXXXX) kepada Defendan/Plaintif sebanyak RMXXXX.XX seorang sebulan yang berjumlah RMXXXX.XX sebulan

7. Pembayaran nafkah 'iddah/muta'ah/nafkah anak yang berjumlah RMXXXX.XX hendaklah dibuat secara sekaligus/ansuran/potongan gaji sebanyak RMXXXX.XX sebulan melalui akaun XXXXXXXXXX Plaintiff/Defendan (No. Akaun: XXXXXXXXXXXXX) sebelum atau pada XXhb setiap bulan mulai XXXXX XXXX (nyatakan bulan & tahun)
8. Pembayaran nafkah 'iddah/muta'ah/nafkah anak yang berjumlah RMXXXX.XX hendaklah dibayar secara tahanan pendapatan tenaga Plaintiff/Defendan mulai (selepas tiga bulan perintah ini dikeluarkan) melalui majikan Plaintiff/Defendan yang beralamat di XXXXXXXXXXXXX. Plaintiff/Defendan diperintahkan membayar secara tunai sebanyak RMXXXX.XX sebulan sebelum tahanan pendapatan tenaga dikuatkuasakan (**untuk potongan gaji sahaja**)

3. PERINTAH PENGESAHAN CERAI

i. Lafaz sah & sabit

1. Talaq yang dilafazkan oleh Plaintiff/Defendan terhadap Plaintiff/Defendan tanpa kebenaran Mahkamah yang mulia ini pada (nyatakan tarikh) adalah sah dan sabit mengikut hukum syarak. Tertalaqlah Plaintiff/Defendan dengan satu talaq kali pertama/kedua/ketiga berjumlah satu/dua/tiga talaq raj'i/ba-in sughra/ba-in kubra mulai tarikh tersebut.
(Masukkan masa jika lafaz lebih sekali dalam satu hari)
2. Plaintiff/Defendan dalam keadaan suci/tidak suci dan hamil/tidak hamil, hendaklah ber'iddah selama tiga kali suci/ tiga bulan qamariyyah/ sehingga melahirkan anak dalam kandungan/ mengikut hukum syarak mulai (nyatakan tarikh lafaz).
3. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXXX

ii. Lafaz tidak sah dan tidak sabit

1. Lafaz oleh Plaintiff/Defendan pada XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh) adalah tidak sabit talaq mengikut hukum syarak.

4. PERINTAH FASAKH

1. Mahkamah meluluskan tuntutan perceraian secara fasakh antara Plaintiff dengan Defendan.
2. Mulai hari ini XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh) terfasakhlah pernikahan antara Plaintiff dengan Defendan secara bain sughra.

3. Plaintif/Defendan dikehendaki ber'iddah selama tiga kali suci/ tiga bulan qamariyyah/ sehingga melahirkan anak dalam kandungan mulai hari ini XX/XX/XXXX (*nyatakan tarikh*).
4. Bahawa perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX.

5. PERINTAH PENGESAHAN CERAI (TA'LIQ)

1. Mahkamah mensabitkan tuntutan pengesahan perceraian ta'liq antara Plaintif dengan Defendan
2. Mulai hari ini (*nyatakan tarikh*) tertalaqlah Plaintif dengan Defendan dengan talaq satu/ satu/dua/tiga berjumlah satu/dua/tiga talaq secara raj'i/ ba-in sughra/kubra.
3. Plaintif/Defendan diperintahkan ber'iddah selama tiga kali suci/ tiga bulan qamariyyah/ sehingga melahirkan anak dalam kandungan mulai hari ini (*nyatakan tarikh*).
4. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX.

• **Jika lafaz tidak sabit**

1. Mahkamah tidak mensabitkan tuntutan Plaintif.

6. PERINTAH PERMOHONAN PENSABITAN TA'LIQ NIKAH

(sek. 50 EUUKINPP 2004)

1. Mahkamah mensabitkan pengaduan Plaintif dan meluluskan perceraian secara ta'liq khulu'/talaq antara Plaintif dan Defendan pada hari ini setelah Plaintif membayar RMXX.XX kepada Mahkamah.
2. Mulai hari ini XX/XX/XXXX (*nyatakan tarikh*) tertalaqlah Plaintif dengan talaq satu kali pertama/kedua/ketiga berjumlah satu/dua/tiga talaq secara ba-in sughra/kubra.
3. Plaintif diperintahkan ber'iddah dengan 'iddah raj'i/bain sughra selama tiga kali suci/ tiga bulan qamariyyah/ sehingga melahirkan kandungan mulai hari ini XX/XX/XXXX (*nyatakan tarikh*).
4. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX.

7. PERINTAH KHUL' (TEBUS TALAQ)

1. Mahkamah meluluskan tuntutan perceraian secara khul' antara Plaintiff/Defendan dengan Defendan/Plaintif mulai hari ini XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh).
2. Mulai hari ini XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh) setelah Plaintiff/Defendan membayar sejumlah wang sebanyak RMXXXX.XX kepada Defendan/Plaintif, tertalaqlah Plaintiff/Defendan dengan talaq satu khul' berjumlah satu/dua/tiga talaq secara ba-in sughra/kubra.
3. Plaintiff/Defendan diperintahkan ber'iddah selama tiga kali suci/tiga bulan qamariyyah/ sehingga melahirkan anak dalam kandungan mulai hari ini XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh).
4. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX.

8. PERINTAH PENGESAHAN RUJU'

1. Mahkamah mensabitkan berlakunya ruju' oleh Plaintiff/Defendan terhadap Defendan/Plaintif pada XX/XX/XXXX (nyatakan tarikh).
2. Ruju' ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX.

- **Jika tidak sabit**

1. Mahkamah mensabitkan tidak berlakunya ruju'.

9. PERINTAH PENGESAHAN NIKAH

ATAS PERMOHONAN Pemohon 1 dan Pemohon 2 yang dinamakan di atas yang diwakili oleh XXXXXXXXXXXX dari Tetuan XXXXXXXXXXXX dan setelah membaca, meneliti dan menilai Notis Permohonan bertarikh XX/XX/XXXX dan Afidavit beserta ekshibit-ekshibit yang diikrarkan pada XX/XX/XXXX dan **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan Pemohon-pemohon dan setelah berpuashati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

1. Akad nikah yang dilangsungkan di antara (Nama Pemohon 1 & No. K/P) dengan (Nama Pemohon 2 & No. K/P) di (nyatakan tempat akad) pada XX/XX/XXXX adalah sah/tidak sah mengikut hukum syarak.
2. Pernikahan ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX (**Jika sah**) / Pernikahan ini hendaklah difaraqkan. (**Jika tidak sah**)

10. PERINTAH PENGHAKIMAN WALI RAJA

ATAS PERMOHONAN Pemohon yang dinamakan di atas dan setelah membaca, meneliti dan menilai Notis Permohonan bertarikh XX/XX/XXXX dan Afidavit beserta ekshibit-ekshibit yang diikrarkan pada XX/XX/XXXX dan **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan Pemohon dan setelah berpuashati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

1. Mahkamah membenarkan permohonan wali Raja ini menurut hukum syarak.
2. Akad nikah antara (Nama Pemohon & No. K/P) dengan (Nama Pasangan & No. K/P) hendaklah diakadnikahkan dengan berwalikan wali raja.

11. PERINTAH WALI ENGGAN

ATAS PERMOHONAN Plaintiff yang dinamakan di atas dan setelah membaca, meneliti dan menilai Saman dan Penyata Tuntutan bertarikh XX/XX/XXXX dan **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan Plaintiff dan setelah berpuashati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

1. Mahkamah mensabitkan (Nama Defendan & No. K/P) sebagai wali enggan.
2. Akad nikah di antara (Nama Plaintiff & No. K/P) dengan (Nama Pasangan & No. K/P) hendaklah berwalikan wali Raja.

12. PERINTAH PERKAHWINAN BAWAH UMUR

ATAS PERMOHONAN Pemohon yang dinamakan di atas dan setelah membaca, meneliti dan menilai Notis Permohonan bertarikh XX/XX/XXXX dan Afidavit beserta eksibit-eksibit yang diikrarkan pada XX/XX/XXXX dan **SETELAH MAHKAMAH** mendengar keterangan Pemohon dan setelah berpuashati, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

1. Mahkamah membenarkan perkahwinan bawah umur antara (Nama Pemohon & No. K/P) dengan (Nama Pasangan & No. K/P).

13. PERINTAH PERSETUJUAN BERSAMA

(Kes-kes Sulh Berjaya)

KES ini telah diselesaikan pada hari ini dengan kehadiran Plaintiff dan Defendan secara bersendirian/diwakili peguam syarie. Atas persetujuan bersama kedua-dua pihak dalam Majlis Sulh, **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN** bahawa:

1. NAFKAH 'IDDAH

- 1.1 Defendan membayar nafkah 'iddah kepada Plaintiff sebanyak RMXXXX.XX selama tempoh 'iddah
- 1.2 Pembayaran hendaklah dibuat secara sekaligus/ansuran dengan dimasukkan ke dalam akaun XXXXXXX Plaintiff (No. Akaun: XXXXXXXXXXXXX) sebelum atau pada XXhb setiap bulan mulai bulan XXXXX XXXX (*nyatakan bulan & tahun*)

2. MUTA'AH

- 2.1 Defendan membayar muta'ah kepada Plaintiff sebanyak RMXXXX.XX.
- 2.2 Pembayaran hendaklah dibuat secara sekaligus/ansuran dengan dimasukkan ke dalam akaun XXXXXXX Plaintiff (No. Akaun: XXXXXXXXXXXXX) sebelum atau pada XXhb setiap bulan mulai bulan XXXXX XXXX (*nyatakan bulan & tahun*)

3. NAFKAH ANAK

- 3.1 Defendan membayar nafkah (*nyatakan bilangan anak*) orang anak yang bernama XXXXXXXXXXX (No. K/P/MyKid: XXXXXXXXXXXXX) sebanyak RMXXXX.XX sebulan seorang yang berjumlah RMXXXX.XX sebulan.
- 3.2 Pembayaran hendaklah dimasukkan ke dalam akaun XXXXXXX Plaintiff (No. Akaun: XXXXXXXXXXXXX) sebelum atau pada XXhb setiap bulan mulai bulan XXXXX XXXX (*nyatakan bulan & tahun*).
- 3.3 Pembayaran hendaklah dibuat secara tahanan pendapatan tenaga Defendan mulai (*selepas tiga bulan perintah ini dikeluarkan*) melalui majikan Defendan yang beralamat di XXXXXXXXXXX. Plaintiff/Defendan diperintahkan membayar secara tunai sebanyak RMXXXX.XX sebulan sebelum tahanan pendapatan tenaga dikuatkuasakan. (*untuk potongan gaji sahaja*)

KES-KES MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

1. KEBENARAN POLIGAMI

1. Mahkamah membenarkan (*Nama Pemohon 1 & No. K/P*) bernikah secara poligami dengan (*Nama Pemohon 2 & No. K/P*)
2. Berdasarkan persetujuan bersama, Mahkamah memerintahkan seperti berikut:
 - 2.1 Pemohon 1 diperintahkan membayar nafkah diri kepada XXXXXXXX (*nyatakan nama isteri/isteri-isteri yang sedia ada & No. K/P*) sebanyak RMXXXX.XX sebulan seorang.
 - 2.2 Pemohon 1 diperintahkan membayar nafkah diri kepada bakal isteri XXXXXXXX (*nyatakan nama & No. K/P*) sebanyak RMXXXX.XX sebulan.
 - 2.3 Pemohon 1 diperintahkan membayar nafkah XXXX (*nyatakan bilangan anak*) orang anak yang bernama XXXXXXXXXXXXX (No. K/P/MyKid: XXXXXXXXXXXXX) sebanyak RMXXXX.XX sebulan seorang yang berjumlah RMXXXX.XX sebulan.
 - 2.4 (Rumah/kereta/tanah) diisytiharkan sebagai harta sepencarian.

2. PENGESAHAN NIKAH POLIGAMI

1. Akad nikah yang dilangsungkan di antara (*Nama Pemohon 1 & No. K/P*) dengan (*Nama Pemohon 2 & No. K/P*) di XXXXXX (*nyatakan tempat akad*) pada XX/XX/XXXX (*nyatakan tarikh*) adalah sah/tidak sah mengikut hukum syarak.
2. Pernikahan ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah XXXXXXXXXXXX (***Jika sah***) / Pernikahan ini hendaklah difaraqkan. (***Jika tidak sah***).
3. Berdasarkan persetujuan bersama, mahkamah memerintahkan seperti berikut:
 - 3.1 Pemohon 1 diperintahkan membayar nafkah diri kepada XXXXXXXX (*nyatakan nama isteri/isteri-isteri yang sedia ada & No. K/P*) sebanyak RMXXXX.XX sebulan seorang.
 - 3.2 Pemohon 1 diperintahkan membayar nafkah diri kepada isteri XXXXXXXX (*nyatakan nama*) sebanyak RMXXXX.XX sebulan.
 - 3.3 Pemohon 1 diperintahkan membayar nafkah XXXX (*nyatakan bilangan anak*) orang anak yang bernama XXXXXXXXXXXXX (No. K/P/MyKid: XXXXXXXXXXXXX) sebanyak RMXXXX.XX sebulan seorang yang berjumlah RMXXXX.XX sebulan.
 - 3.4 (Rumah/kereta/tanah) diisytiharkan sebagai harta sepencarian.

3. INTERIM (EX-PARTE) INJUNKSI

*Dalam menyediakan perintah ini, rujukan hendaklah dibuat kepada Arahan Amalan Bil. 11 Tahun 2003

1. Responden adalah ditegah dari mengganggu Pemohon sama ada di tempat kerja, dirumah atau lain-lain tempat bermula serta merta daripada tarikh perintah ini dikeluarkan.
2. Responden adalah berhak memohon secara inter-parte bagi membatalkan atau mengubah perintah sementara ini sekiranya Pemohon tidak menzahirkan atau salah nyatakan mana-mana fakta yang berkaitan.
3. Pemohon berakujanji untuk membayar apa-apa ganti rugi yang ditaksirkan oleh Mahkamah sekiranya Responden ada mengalami kerugian akibat daripada pemerolehan perintah interim ini secara salah.
4. Tarikh bicara inter-partes bagi melanjutkan, mengubah atau membatalkan perintah sementara itu hendaklah ditetapkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh perintah sementara dikeluarkan.
5. Pemohon hendaklah menyerahkan perintah sementara itu bersama-sama salinan permohonan, affidavit dan perakuan segera yang difailkan bagi menyokong permohonan ex-parternya kepada semua pihak yang terlibat oleh perintah sementara .

Klausula ini hendaklah dimasukkan pada para 3 terakhir bagi perintah interim (ex-parte) yang dikeluarkan oleh Mahkamah.

4. INTERIM (EX-PARTE) HADHANAH

* Dalam menyediakan perintah ini, rujukan hendaklah dibuat kepada Arahan Amalan Bil. 11 Tahun 2003

1. Responden diberikan hak jagaan sementara anak yang bernama (nyatakan nama anak & No. K/P/MyKid) bermula daripada tarikh perintah ini dikeluarkan.
2. Responden adalah berhak memohon secara inter parte bagi membatalkan atau mengubah perintah sementara ini sekiranya Pemohon tidak menzahirkan atau salah nyatakan mana-man fakta yang berkaitan.
3. Pemohon berakujanji untuk membayar apa-apa ganti rugi yang ditaksirkan oleh Mahkamah sekiranya Responden ada mengalami kerugian akibat daripada pemerolehan perintah interim ini secara salah.
4. Tarikh bicara inter-parte bagi melanjutkan, mengubah atau membatalkan perintah sementara itu hendaklah ditetapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah sementara dikeluarkan.

5. Pemohon hendaklah menyerahkan perintah sementara itu bersama-sama salinan permohonan, affidavit dan perakuan segera yang difailkan bagi menyokong permohonan ex-partenya kepada semua pihak yang terlibat oleh perintah sementara dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh perintah ini dikeluarkan.

Klausula ini hendaklah dimasukkan pada para 3 terakhir bagi perintah interim (ex-parte) yang dikeluarkan oleh Mahkamah.